

# SPPS juara keseluruhan

## Kejohanan Olahraga UMS 2014

DE 22.4.2014 12

KOTA KINABALU: Sekolah Pembangunan Pendidikan dan Sosial (SPPS) muncul juara dalam kejohanan olahraga Universiti Malaysia Sabah (UMS) 2014 yang berakhir pada petang Ahad.

Pasukan mereka mengutip 22 emas, tujuh perak dan tiga gangsa untuk merebut gelaran juara keseluruhan, mendahului pemenang tempat kedua, Sekolah Psikologi dan Kerja Sosial (SPKS) yang hanya mengutip lima emas, dua perak dan dua gangsa. Tempat ketiga dimenangi Sekolah Perniagaan Kampus Antarabangsa Labuan dengan dua emas, 11 perak dan 10 gangsa.

Anugerah olahragawan dimenangi Eldy Sham Elron (SPPS) yang menang

empat pingat emas dalam acara 400 meter berpagar, 100 meter, 200 meter dan 4x100 meter.

Anugerah olahrawati pula dimenangi Merry Gabali (SPPS) dengan tiga emas dalam acara 100m, lompat jauh dan 4x100meter.

Josephine Yaban (SPKS) memenangi anugerah atlet berpotensi dengan kutipan tiga pingat emas dalam acara 800m, 1500m and 3000m manakala bagi lelaki ia dimenangi Rick Nelson Eddy (Sekolah Sains Sosial) yang menang satu emas dalam acara 110m berpagar dan perak dalam acara lompat jauh.

Hadiah-hadiah disampaikan Mohd Asyraaf Fong Abdullah yang merupakan Pengarah Unit Sukan UMS. -  
GL Oh